



KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Kembalinya M2M: Jelajah “*The Better Endings*” Bakal Menggegarkan Resorts World Genting pada 27 April 2025

Genting Highlands, 14 Februari 2025 – Berita baik untuk semua peminat muzik pop 90-an! Setelah 22 tahun menyepi, duo pop ikonik dari Norway, M2M, kini kembali dengan penuh sensasi dalam jelajah utama mereka yang pertama, “*The Better Endings*”. Jangan lepaskan peluang untuk menyaksikan persembahan yang penuh sensasi di Resorts World Genting (RWG) pada hari Ahad, 27 April 2025, bertempat di Arena of Stars, bermula pada jam 6 petang.

M2M, gandingan dinamik Marion Raven dan Marit Larsen, telah memikat hati peminat di seluruh dunia pada akhir 1990-an dan awal 2000-an dengan muzik elektronik yang menghiburkan, lirik yang mendalam, dan suara Skandinavia yang merdu. Lagu-lagu mereka seperti “*The Day You Went Away*” dan “*Don’t Say You Love Me*” menjadi ikonik, menyentuh hati peminat di serata dunia. Album sulung mereka, *Shades of Purple*, yang dilancarkan pada tahun 1998, telah melonjakkan mereka sebagai bintang antarabangsa, menjadikan mereka legenda dalam dunia muzik pop yang diiktiraf sehingga ke hari ini.

M2M telah meraih pelbagai anugerah muzik terkemuka, termasuk MTV Europe Music Awards dan Nickelodeon Kids' Choice Awards. Mereka juga telah tampil di pelbagai rancangan televisyen dan memukau penonton di pentas-pentas terbesar dunia dengan persembahan yang memikat hati. Kini, setelah lebih dua dekad, M2M bersedia untuk kembali menghangatkan pentas dan bertemu dengan peminat setia mereka, memberikan pengakhiran yang lebih bermakna kepada perjalanan muzik yang luar biasa ini.

“Konsert ini adalah cara kami untuk menghargai semula muzik yang telah membentuk perjalanan kami, sambil memberikan peminat kami peluang untuk menikmati detik-detik berharga dan sambutan yang telah lama dinantikan,” kata Marit Larsen. “Kami menamakan jelajah ini *The Better Endings* kerana ia berkisar tentang kenangan indah serta perjalanan bersama menuju masa depan”. Jangan lepaskan peluang untuk menyaksikan kemunculan semula gemilang M2M di *The Better Endings Tour* – sebuah pengalaman luar biasa yang pasti akan memberikan kenangan yang tak ternilai!

Tiket laris terjual dalam beberapa jam di pelbagai lokasi Asia, menjadikan kemunculan semula gemilang M2M di RWG satu peluang yang tidak boleh dilepaskan! Hiburkan diri anda dengan

lagu-lagu ikonik yang menghidupkan kenangan indah zaman muda dalam suasana penuh makna bersama “*The Better Endings*”.

Tiket untuk konsert yang dinanti-nantikan ini akan mula dijual pada 17 Februari 2025 secara eksklusif untuk ahli Genting Rewards Card (Kad Ganjaran Genting) kategori Gold dan ke atas, manakala jualan kepada umum akan dibuka pada 24 Februari 2025 jam 12 tengah hari. Harga tiket bermula daripada RM668 (VIP), RM468 (PS1), RM268 (PS2), dan RM168 (PS3), dengan caj pemprosesan tambahan sebanyak RM4.00. Sebagai ganjaran, ahli Genting Rewards Card berpeluang menikmati diskaun tetap sebanyak 10% melalui pembayaran tunai, kad kredit, atau penebusan Mata Ganjaran Genting, yang hanya sah untuk pembelian tiket VIP, PS1, dan PS2 sahaja.

Untuk maklumat lanjut, sila layari rwgenting.com.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Ms Evin Chan

Executive
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 2333 6742
Email: evin.chan@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat rekreasi dan hospitaliti terkemuka di peringkat global. Ia tersenarai di Bursa Malaysia dengan nilai pasaran kira-kira RM16 bilion. Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan beberapa resort utama, antaranya Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City (RWNYC), Resorts World Catskills (RW Catskills), dan Resorts World Hudson Valley (dimiliki 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat (AS), serta Resorts World Bimini (RW Bimini) di Bahamas, Resorts World Birmingham (RW Birmingham), dan lebih daripada 30 kasino di United Kingdom (UK). Tambahan pula, Genting Malaysia juga memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di pulau Langkawi.

Dengan lebih kurang 10,500 bilik merangkumi tujuh hotel yang berbeza, Resorts World Genting (RWG) merupakan destinasi resort bersepadu utama di Malaysia. Resort ini menawarkan pelbagai kemudahan riadah dan hiburan, termasuk permainan, taman tema, tarikan hiburan, tempat makan, kedai runcit, serta pertunjukan antarabangsa dan fasiliti konvensyen perniagaan. Genting SkyWorlds, sebuah taman tema kelas pertama yang bertaraf dunia, menjadi tarikan utama yang menambah lagi kepelbagaiannya hiburan di RWG. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (sebuah usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) yang terletak di pertengahan bukit, melengkapkan tawaran premium RWG yang meluas dan menegaskan kedudukannya sebagai penyedia hiburan dan riadah terkemuka di rantau ini.

Genting Malaysia merupakan sebuah entiti dalam Kumpulan Genting, sebuah korporat multinasional terkemuka yang diiktiraf sebagai peneraju dalam pengurusan di Asia. Kumpulan

Genting dikendalikan oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan berwawasan yang telah berjaya mencipta jenama Resorts World sebagai penggerak utama dalam sektor riadah dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat (AS), Bahamas, dan United Kingdom (UK). Tan Sri Lim Kok Thay turut memiliki pelaburan strategik dalam pelbagai industri di peringkat global, termasuk dalam sektor perladangan kelapa sawit, pembangunan harta tanah, penjanaan kuasa, minyak dan gas, pelayaran, serta bidang bioteknologi.